

| | | |
|---------------------------------|---|----------------------------|
| 1. Skim Perkhidmatan | : | Pegawai Ehwal Ekonomi |
| Gred | : | E9 |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Ekonomi |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Profesional |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Tempoh Lantikan | : | 1 tahun |
| Kekosongan Jawatan | : | 1 kekosongan |

Jadual Gaji

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--------------------|---------------------|-----------------------|
| RM 2,250.00 | RM 11,110.00 | RM 225.00 |

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklanjawatan; dan
- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,250.00); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,470.00); atau

- 2.** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Fungsi Bidang Tugas

1. Merangka dasar dan strategi pembangunan berhubung dengan pendapatan negeri, KDNK negeri dan perakaunan negara (national accounting);
2. Membuat unjuran bagi pembolehubah utama ekonomi makro dalam tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk Rancangan Pembangunan Lima Tahun dan Rangka Rancangan Jangka Panjang;
3. Menganalisa prestasi dan prospek ekonomi serta unjuran mengikut sektor pengeluaran dalam ekonomi;.
4. Mengkaji dan meneliti perubahan struktur ekonomi negara serta mengenalpasti potensi dan sumber baru pertumbuhan ekonomi;
5. Memantau keberkesanan dasar fiskal, khususnya belanjawan sektor awam;
6. Memantau dan mengikut perkembangan perdagangan luar negara, imbangan pembayaran dan pertukaran wang asing;
7. Memantau dan memastikan perkembangan harga dalam negeri dalam suasana stabil dan sederhana seperti yang dicerminkan oleh Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar;

8. Mengemaskini portal Kementerian Ekonomi berkaitan dengan petunjuk-petunjuk utama ekonomi terkini;
9. Menyediakan Laporan Ekonomi Tahunan Negeri dan Data Asas Negeri;
10. Memantau kedudukan ekonomi dan petunjuk-petunjuk ekonomi terkini serta menyediakan kertas kedudukan semasa ekonomi negeri bagi mesyuarat-mesyuarat utama kerajaan.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian di
<https://jawatan.johor.gov.my>

TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 4 SEPTEMBER 2025 JAM 5 PETANG
TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 15 SEPTEMBER 2025 JAM 5 PETANG

ii. Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/ senarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan, serta salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Ijazah yang **telah diakui sah** salinannya.
- iii. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, Badan-badan berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya dipanggil temuduga, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 3 (TIGA) tahun terakhir, secara fizikal.
- iv. Cetakan borang daripada sistem hendaklah dicetak bagi calon yang dipanggil untuk proses temuduga.
- v. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- vi. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab oleh pemohon sendiri.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN,
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI
JOHOR ARAS 1 & 2, BLOK B
BANGUNAN DATO' JAAFAR
MUHAMMAD KOTA ISKANDAR
79503 ISKANDAR PUTERI**

